



KENYATAAN MEDIA

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENTERI PERTAHANAN

8 JULAI 2021

MENGENAI PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Peralihan Fasa bagi Negeri Sabah

Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada hari ini telah meneliti pembentangan peralihan fasa bagi negeri-negeri di bawah Pelan Pemulihan Negara oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Setelah semua agensi terlibat termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meneliti nilai-nilai ambang atau threshold negeri ini, Sidang Khas MKN bersetuju untuk membuat peralihan fasa bagi negeri Sabah daripada fasa 1 ke fasa 2 berdasarkan pencapaian nilai ambang tiga indikator utama yang telah ditetapkan.

Peralihan bagi fasa PPN bagi negeri Sabah akan berkuatkuasa mulai 10 Julai 2021. Maklumat lanjut mengenai semua kebenaran yang telah ditetapkan bagi fasa 2 boleh dirujuk di laman sesawang **MKN** di www.mkn.gov.my

Hospital Medan Angkatan Tentera Malaysia (ATM)

Sidang khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) hari ini turut meneliti pembentangan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai situasi semasa COVID-19 di negeri Selangor.

Sehingga kini, KKM mengesahkan purata kes harian di negeri Selangor dalam tempoh 14 hari kebelakangan menunjukkan trend peningkatan secara mendadak dengan jumlah kluster yang semakin meningkat.

Berdasarkan situasi ini, Kerajaan turut bersetuju untuk menubuhkan satu lagi Hospital Medan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang bagi menyokong kesiapsiagaan perkhidmatan kesihatan di negeri Selangor seterusnya membantu KKM menangani situasi pandemik COVID-19 di negeri tersebut ketika ini.

Pada masa yang sama, ATM juga memberi jaminan sentiasa komited dan bersiap-siaga jika ada keperluan untuk membina hospital-hospital medan di negeri-negeri yang memerlukan khidmat sokongan kesihatan dalam memastikan kesihatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia sentiasa dilindungi.

Mesyuarat juga bersetuju untuk mewujudkan Hospital Medan ATM di negeri Melaka untuk menyokong sistem perkhidmatan kesihatan di negeri tersebut ketika ini.

ATM akan berbincang dengan lebih lanjut bersama KKM untuk memperincikan semua keperluan bagi menentukan pembukaan hospital medan ATM di negeri ini dalam masa terdekat.

Pemantauan dan Penguatkuasaan SOP COVID-19 di Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan

Seperti yang diumumkan sebelum ini, Kerajaan telah mempertingkatkan penguatkuasaan secara menyeluruh dari segi pemeriksaan ke atas kilang-kilang dan premis-premis perniagaan kerana terlalu banyak pelanggaran arahan kerajaan dan SOP yang telah diwartakan.

Semalam Pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melaksanakan 90,303 pemeriksaan dan snap check COVID-19 di seluruh negara dengan jumlah kekuatan anggota seramai 20,413 orang.

Ia termasuk pemeriksaan ke atas 2,859 buah kilang, 16,743 premis perniagaan, 907 tapak pembinaan dan 394 buah asrama penempatan pekerja.

Hasil daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 56 premis meliputi kilang, premis perniagaan dan tapak pembinaan diarahkan tutup kerana gagal mematuhi SOP yang ditetapkan kerajaan.

PKPD 3 lokaliti dalam Mukim Sura, Dungun, Terengganu

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di tiga (3) lokaliti dalam Mukim Sura, Dungun, Terengganu iaitu:

- Rumah Awam Kos Rendah (RAKR) Gong Pasir
- Kampung Gong Pasir
- Taman MAIDAM

Hasil pemantauan yang dilakukan oleh KKM mendapati trend kes telah meningkat dalam tempoh seminggu dan setakat ini, sebanyak 28 positif direkodkan hasil saringan ke atas 360 penduduk di ketiga-tiga lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga (3) lokaliti dalam Mukim Sura, Dungun, Terengganu, berkuat kuasa 10 Julai sehingga 23 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini bertujuan mengawal pergerakan penduduk sekali gus mengekang penularan jangkitan ke komuniti lain.

PKPD Kampung Mangkubau Laut, Pitas, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Mangkubau Laut, Pitas, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah merekodkan 11 kes positif COVID-19 selepas 70 individu menjalani ujian saringan dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di

Kampung Mangkubau Laut, Pitas, Sabah berkuat kuasa 10 Julai sehingga 23 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini bertujuan menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Ladang Sabah Mas Division Segama, Lahad Datu, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Ladang Sabah Mas Division Segama, Lahad Datu, Sabah.

KKM telah merekodkan 14 kes positif COVID-19 selepas 20 individu menjalani ujian saringan dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Ladang Sabah Mas Division Segama, Lahad Datu, Sabah berkuat kuasa 10 Julai sehingga 23 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

PKPD Mukim Bidor dan Mukim Batang Padang, Batang Padang, Perak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Mukim Bidor dan Mukim Batang Padang, Batang Padang, Perak.

Hasil pemantauan yang dilakukan oleh KKM mendapati trend kes telah meningkat dan setakat ini, sebanyak 523 positif direkodkan hasil saringan ke atas 3,271 penduduk di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Mukim Bidor dan Mukim Batang Padang, Batang Padang, Perak, berkuat kuasa 10 Julai sehingga 23 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini bertujuan mengawal pergerakan penduduk sekali gus mengekang penularan jangkitan ke komuniti lain.

PKPD Felda Umas 1, 3 & 4, Kalabakan, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Felda Umas 1, 3 & 4, Kalabakan, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 29 ujian saringan dan 14 daripadanya dilaporkan positif COVID-19. KKM mendapati trend kes telah meningkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Felda Umas 1, 3 & 4, Kalabakan, Sabah, berkuat kuasa 10 Julai sehingga 23 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini bertujuan mengawal pergerakan penduduk sekali gus mengekang penularan jangkitan ke komuniti lain.

PKPD Fasa 4B, Taman Bukit Sepanggar, Kota Kinabalu, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Fasa 4B, Taman Bukit Sepanggar, Kota Kinabalu, Sabah.

Hasil pemantauan yang dilakukan oleh KKM mendapati berlaku peningkatan kes dan setakat ini sebanyak lapan (8) kes positif telah direkodkan di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Fasa 4B, Taman Bukit Sepanggar, Kota Kinabalu, Sabah, berkuat kuasa 10 Julai sehingga 23 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini bertujuan untuk memastikan penduduk berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Pelanjutan PKPD Kawasan Perindustrian Bestgrade, Pokok Sena, Kedah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kawasan Perindustrian Bestgrade, Pokok Sena, Kedah yang dijadualkan tamat pada 9 Julai 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 336 ujian saringan dan 148 daripadanya dilaporkan positif COVID-19. KKM juga mendapati kes masih menular selain terdapat kes baru direkodkan di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Kawasan Perindustrian Bestgrade, Pokok Sena, Kedah bermula 10 Julai sehingga 23 Julai 2021.

Penamatan PKPD Kampung Muhibbah, Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Muhibbah, Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah yang dijadualkan tamat pada 9 Julai 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 329 ujian saringan dan 38 daripadanya dilaporkan positif COVID-19. KKM juga mendapati trend telah menurun, kluster terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Muhibbah, Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah pada 9 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Flat Indah Jaya, Sandakan, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Flat Indah Jaya, Sandakan, Sabah yang dijadualkan tamat pada 9 Julai 2021.

KKM telah melakukan 516 ujian saringan dan 13 daripadanya dilaporkan positif COVID-19. Pada masa sama, KKM juga mendapati trend telah menurun, kluster terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Flat Indah Jaya, Sandakan, Sabah pada 9 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Politeknik Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Politeknik Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah yang dijadualkan tamat pada 9 Julai 2021.

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 906 ujian saringan dan 78 daripadanya dilaporkan positif COVID-19. Pada masa sama, KKM mendapati trend telah menurun, kluster terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Politeknik Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah pada 9 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan Awal PKPD Asrama Pekerja Warga Asing, Jalan Rivera, Tanjung Agas, Tangkak, Johor

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Asrama Pekerja Warga Asing, Jalan Rivera, Tanjung Agas, Tangkak, Johor yang dijadualkan tamat pada 13 Julai 2021.

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 691 ujian saringan dan 518 daripadanya dilaporkan positif COVID-19. KKM mendapati trend telah menurun, kluster terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Asrama Pekerja Warga Asing, Jalan Rivera, Tanjung Agas, Tangkak, Johor pada 9 Julai 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

Penamatan Awal PKPD Asrama Pekerja Warga Asing dan Kawasan Kilang Wah Cens Plastic Industries & Metal Sdn Bhd, Buloh Kasap, Segamat, Johor

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Asrama Pekerja Warga Asing dan Kawasan Kilang Wah Cens Plastic Industries & Metal Sdn Bhd, Buloh Kasap, Segamat, Johor yang dijadualkan tamat pada 16 Julai 2021.

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 1,026 ujian saringan dan 700 daripadanya dilaporkan positif COVID-19. KKM mendapati trend telah menurun, kluster terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Asrama Pekerja Warga Asing dan Kawasan Kilang Wah Cens Plastic Industries & Metal Sdn Bhd, Buloh Kasap, Segamat, Johor pada 9 Julai 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 90,303 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,536 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 20,413 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 556 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 523 individu dikompaun, 32 direman manakala seorang lagi dijamin.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan/minum di premis (168)
- Tiada penjarakan fizikal (82)
- Tidak memakai pelitup muka (80)
- Membawa penumpang berlebihan (63)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (53)
- Individu gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (52)
- Premis gagal patuhi arahan (9)
- Lain-lain (49)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah merampas enam (6) buah kenderaan darat dan dua (2) buah bot/kapal.

Dalam operasi itu, sebanyak 10 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui lima (5) aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 1,176 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 1,122 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Disinfeksi COVID-19

Semalam, sebanyak 182 operasi disinfeksi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 73 zon merah, zon jingga (2) dan zon kuning (6).

Operasi disinfeksi ini melibatkan 1,127 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 233 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 201 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 31,066 operasi disinfeksi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 389 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 244,173 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 76 hotel dan 10 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 9,571 individu telah dikuarantin dan 231,585 orang dibenarkan pulang manakala 3,017 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 836 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (651), pemborong (153) dan pengilang (32).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,690 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 1,680 premis mematuhi SOP, lapan (8) dikompaun manakala dua (2) diberi amaran.

Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.

#StaySafeStayHome

#AmalkanKawalanKendiri

**YAB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MENTERI PERTAHANAN**